



Headline: Dedah maklumat kad kredit, wanita rugi Language: Malay
RM25,000

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak) Section: Tempatan
Date: 21 March 2020 Page: 2

Dedah maklumat kad kredit, wanita rugi RM25,000

SIBU: Seorang wanita mengalami kerugian kira-kira RM25,000 selepas mendedahkan nombor dan kata laluan kad kredit kepada seorang lelaki tidak dikenali yang menghubunginya, semalam.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, kerani berusia 54 tahun tersebut tampil membuat laporan polis selepas mengetahui dirinya telah terperdaya.

“Mangsa seorang kerani swasta memberitahu dia menerima panggilan daripada seorang lelaki melalui aplikasi WhatsApp memaklumkan dia telah memenangi

cabutan bertuah sebanyak RMM8,888 sebelum meminta maklumat kad kredit untuk memasukkan wang ke menangan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Stanley berkata, pada mulanya pengadu menerima pesanan ringkas daripada satu nombor yang memaklumkan kemenangan itu tetapi tidak mengendahkannya.

Namun, apabila seorang lelaki menghubunginya dan meminta maklumat kad kredit, dia tanpa curiga menyerahkan apa yang diminta lelaki itu.

“Pengadu telah menyerahkan maklumat dua kad kreditnya termasuk kata

laluan,” katanya lagi.

Apabila pengadu membuat semakan ke atas dua kad kredit itu kemudian, dia mendapati potongan sebanyak RM10,000 dan RM15,000 daripada dua kad kredit tersebut yang dipindah ke akaun yang tidak dikenali.

Stanley berkata, mangsa telah diperdayakan untuk menyerahkan maklumat perbankan bagi tujuan tunutan hadiah wang tunai sebuah aplikasi yang tidak wujud.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu,” tambah beliau.